

NO. SOALAN :235

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG  
[ALOR SETAR]**

**SOALAN**

**TUAN GOOI HSIAO LEUNG** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa banyak hutang bekalan air Kerajaan Negeri Kedah kepada Kerajaan Persekutuan, dan sama ada Kerajaan Persekutuan akan bersetuju untuk mengurangkan atau menghapuskan hutang untuk mencapai persetujuan perjanjian penstrukturan semula bekalan air dengan PAAB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Disember 2016, baki pinjaman bekalan air Kerajaan Negeri Kedah kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,812.44 juta. Jumlah ini meliputi pinjaman mudah Kerajaan Persekutuan dan pinjaman luar yang melibatkan projek bekalan air bandar, bekalan air luar bandar dan sumber air.
2. Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 telah menawarkan Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kedah yang dapat memastikan kelangsungan dan kemampuan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA). Skim tersebut turut merangkumi persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk menghapus kira pinjaman bekalan air negeri Kedah berjumlah RM336.11 juta.
3. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah di peringkat akhir untuk memuktamadkan skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Kedah. Melalui skim yang ditawarkan ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyalurkan

peruntukan membangunkan infrastruktur bekalan air di negeri Kedah demi menjamin bekalan air yang mencukupi dan berterusan kepada rakyat negeri Kedah.

Sekian, terima kasih

---

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**SOALAN : 238**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab amalan rasuah penjawat awam semakin serius dan apakah usaha Kerajaan bagi memerangi gejala rasuah.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat serius dan komited memerangi jenayah rasuah. Polisi pengurusan Kerajaan sangat menegaskan aspek pematuhan integriti dan tadbir urus baik. Instrumen pengurusan integriti negara dibangunkan melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diselaraskan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Dalam masa yang sama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kapasiti undang-undang di bawah Akta SPRM 2009 bebas melaksanakan fungsi penguatkuasaan dan pencegahan rasuah tanpa campurtangan mana-mana pihak.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam juga telah melalui proses transformasi ketara, dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif penginstitutionan dan mekanisme pematuhan integriti di agensi-agensi awam. Melalui usaha-usaha tersebut, keterlibatan agensi-agensi awam membangunkan mekanisme kawalan dalaman distrukturkan melalui peranan Unit Integriti dan Jawatankuasa Tadbir Urus (JITU).

Selain kerjasama di antara agensi awam, kesepakatan pencegahan rasuah juga dibangunkan dikalangan entiti swasta serta orang awam bagi memangkin inisiatif dan komitmen semua pihak untuk bersama-sama menolak serta tidak berkompromi dengan rasuah. Melalui instrumen *Corporate Integrity Pledge* (CIP), syarikat-syarikat komersial diajak untuk mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah. Terbaru, Kerajaan melalui peranan Jabatan Standard Malaysia menggalakkan pematuhan sukarela instrumen ISO 37001 *Anti Bribery Management System* yang boleh membantu mana-mana organisasi membangunkan sistem pengurusan anti rasuah dalam organisasi.

Ketegasan penguatkuasaan Akta SPRM 2009 sememangnya sangat penting sebagai punitif kepada pelaku rasuah dan amaran keras kepada semua pihak. Dalam masa yang sama, pencegahan yang efektif adalah sangat perlu untuk mengekang cubaan atau perbuatan jenayah rasuah. Mengambil kira perubahan persekitaran semasa yang sangat menuntut kreativiti dan inovasi, usaha pencegahan rasuah juga sentiasa ditambahbaik dan dievolusikan.

Antara usaha terbaru pencegahan rasuah yang agresif dijalankan ketika ini adalah:

**a. GERAH**

Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dilaksanakan dengan slogan "SPRM Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah" bagi mendekati rakyat sekaligus menimbulkan kegerunan di kalangan perasuah. Program yang dijalankan

serentak setiap bulan oleh semua pejabat SPRM di seluruh negara.

GERAH menjadi medan bagi SPRM menjelaskan mengenai rasuah, tanggungjawab pencegahan rasuah dan peranan SPRM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah. Dalam masa yang sama, GERAH turut menggerakkan kempen 3 J (*Jangan huloq, Jangan kawtim, Jangan settle*) ke arah mengajak masyarakat menunaikan obligasi mereka untuk sama-sama mencegah jenayah rasuah.

Sejak GERAH dimulakan pada 8hb Mei 2017 sehingga kini, SPRM telah berjaya mendekati hampir 23 ribu anggota masyarakat umum dari pelbagai komposisi umur, sektor, pekerjaan dan kawasan.

**b. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)**

IBR adalah lafaz tekad dan perakuan oleh individu yang diberikan amanah jawatan untuk tidak melakukan sebarang perbuatan jenayah rasuah di sepanjang tempoh memegang jawatan tersebut. IBR adalah peringatan secara langsung kepada semua individu terbabit bahawa adalah menjadi tanggungjawab dan amanah jawatan mereka untuk menjauhi perbuatan rasuah. Dengan melafazkan ikrar secara terbuka dan beramai-ramai, setiap yang berikrar akan saling diperingatkan tentang komitmen mereka untuk tidak menyetujui, tidak terlibat dan tidak berkompromi dengan jenayah rasuah.

**c. Penubuhan Unit Integriti (UI) di Syarikat Berkaitan Kerajaan**

Unit Integriti (UI) yang sebelum ini hanya diwujudkan di Agensi awam kini dipanjangkan di sektor lain. Sehubungan itu, kerajaan memutuskan supaya UI dan Tadbir Urus akan ditubuhkan di semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), serta semua syarikat milik Kerajaan negeri dan entiti perniagaan milik Kerajaan bagi mengukuhkan elemen ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus baik. Keputusan penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus di semua entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan itu adalah sebahagian daripada komitmen ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang telus, bertanggungjawab dan ditadbir urus dengan baik, demi manfaat pasaran, masyarakat serta komuniti perniagaan keseluruhannya.

Yang Berhormat,

Kerajaan bukan sahaja memikul komitmen dan janji kepada rakyat untuk memerangi rasuah habis-habisan, kerana sebagai negara yang turut meratifikasi perjanjian *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC), Kerajaan perlu memenuhi obligasi untuk mematuhi perkara-perkara yang digariskan dalam instrumen berkenaan. Pematuhan Malaysia terhadap instrumen anti-rasuah antarabangsa itu disemak oleh pihak Bangsa-Bangsa Bersatu dan dilapor serta boleh diakses oleh masyarakat domestik dan antarabangsa melalui laman web *United Nations Office Of Drug And Crime* (UNODC).

Sekian, terima kasih.